

04/10/1997

Hubungan KL, Buenos Aires kian berkembang

BUENOS AIRES, Jumaat - Hubungan Malaysia dan Argentina berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini berikutan meningkatnya kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia kini menjadi pasaran ketiga terbesar bagi barangan Argentina di Asia dengan jumlah perdagangan dua hala mencapai AS\$400 juta (RM1.2 bilion) setahun.

"Kita kini sedang memasuki tahap baru dari segi hubungan, bukan saja membabitkan Malaysia dan Argentina, malah Asia Tenggara dan Amerika Latin," katanya ketika melancarkan Festival Makanan dan Kebudayaan Malaysia, di sini malam tadi.

Turut hadir di festival anjuran Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia itu ialah Presiden Argentina, Carlos Menem.

Dr Mahathir tiba di sini petang ini dari Montevideo, bagi lawatan kerja tiga hari ke Argentina. Buenos Aires adalah persinggahan terakhir dalam lawatannya ke rantau ini. Sebelum ini, beliau mengunjungi Cuba, Chile dan Uruguay.

Perdana Menteri berkata, hubungan rapat antara kedua-dua negara itu adalah hasil usaha Menem yang berpendapat Malaysia dan Argentina mempunyai pertalian erat. Menem adalah Presiden pertama Argentina yang mengunjungi Malaysia.

Menurutnya, Penerbangan Malaysia (MAS) menjadi jambatan bagi hubungan kedua-dua negara dengan membawa ramai pelancong Argentina ke Malaysia dan sebaliknya.

Selain itu, beberapa syarikat Argentina, termasuk IMPSA sudah lama beroperasi di Malaysia, malah Menara Kembar Petronas yang menjadi kebanggaan negara direka bentuk oleh arkitek Argentina, Ceasar Pelli.

(END)